

**NO. SOALAN: 237**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN M. KULASEGARAN [ IPOH BARAT ]**

**RUJUKAN : 7280**

**SOALAN:**

**Tuan M. Kulasegaran [ Ipoh Barat ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan orang yang telah ditahan kerana disyaki mempunyai hubungan dengan LTTE dan mengapa mereka telah dihantar pulang ke Sri Lanka sedangkan tindakan itu boleh meragut nyawa mereka.

**JAWAPAN:**

**Seramai 16 orang yang mempunyai hubungan dengan *Liberation Tiger of Tamil Eelam* (LTTE) telah dihantar pulang ke Sri Lanka, antaranya Ketua Perolehan Logistik LTTE, Ketua Media dan Propaganda LTTE.**

**Mereka dihantar pulang ke Sri Lanka kerana Malaysia tidak mahu dijadikan pengkalan aktiviti mana-mana kumpulan keganasan, dianggap bersekongkol dan memberi perlindungan kepada elemen-elemen tersebut. Ini adalah untuk melindungi keselamatan dan hubungan baik dengan negara asal individu-individu berkenaan.**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN BERTULIS : TUAN M. KULASEGARAN  
DARIPADA [ IPOH BARAT ]**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

**Tuan M. Kulasegaran [ Ipoh Barat ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan murid yang dengan CGPA 4.0 namun gagal mendapat tempat di dalam kursus perubatan, pergigian atau farmasi dalam pengambilan universiti awam pada tahun ini.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Bagi sesi akademik 2014/2015, calon dengan PNGK 4.00 yang memohon program pengajian perubatan adalah seramai 1,163 orang, pergigian 660 orang dan farmasi 715 orang. Daripada permohonan tersebut, seramai 297 orang ditawarkan bagi program perubatan, 56 orang bagi program pergigian dan 87 orang bagi program farmasi.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN BERTULIS : TUAN M. KULASEGARAN  
DARIPADA [ IPOH BARAT ]**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

Tuan M. Kulasegaran [ Ipoh Barat ] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejumlah RM28 juta diperuntukkan bagi pendidikan prasekolah Tamil. Siapakah yang dipertanggungjawabkan untuk pelaksanaan program prasekolah Tamil. Senaraikan nama prasekolah Tamil yang telah menerima bantuan dan nyatakan jenis bantuan dan jumlah peruntukan yang telah dihulurkan dan diperuntukkan untuk sekolah-sekolah tersebut.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Agensi pelaksana pendidikan prasekolah terdiri daripada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) dan pengusaha swasta. Bagi KPM, kelas prasekolah dibuka di institusi-institusi kendalian KPM seperti di Sekolah Kebangsaan (SK), Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC), Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT), Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas (SKPK), Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK), dan Institusi Pendidikan Guru Kampus (IPG).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua prasekolah KPM termasuk prasekolah Tamil ini menerima kemudahan yang sama

seperti peralatan perabot, peralatan elektrik, alat permainan luar dan peralatan dapur. Di samping itu, semua murid prasekolah KPM diberi peruntukan berikut:

- i. Bantuan Makanan Prasekolah sebanyak RM2.00/murid/hari, di semenanjung dan RM2.25/murid/hari di Sabah, Sarawak, dan Labuan;
- ii. Bantuan perkapita RM100/murid setahun;
- iii. Bantuan kokurikulum RM25.00/murid; dan
- iv. Skim Perlindungan Insuran Takaful RM1.50/murid.